

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Operasi sektor pendidikan, sosial belum dibenarkan

Kerajaan utama pembukaan sektor ekonomi terlebih dahulu

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memberi keutamaan pembukaan semula sektor ekonomi sebelum membuat cadangan lanjut mengenai operasi sektor pendidikan dan sosial.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kementerian itu mencadangkan kepada kerajaan supaya sektor ekonomi dibenarkan beroperasi terlebih dahulu dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 4.

Katanya, kebenaran beroperasi bagi sektor sosial dan pendidikan, termasuk sekolah akan ditangguhkan sedikit masa lagi bagi membolehkan KKM memantau

situasi penularan COVID-19. "Biar kita benarkan sektor ekonomi bermula dan memantau situasi selama dua atau empat minggu sebelum kita putuskan dan cadangkan sektor sosial dan pendidikan untuk dibuka semula," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada sekolah sudah boleh dibuka atau ditangguhkan lagi, susulan sektor ekonomi penting membabitkan 1.5 juta pekerja sudah mula boleh beroperasi sepenuhnya bermula semalam.

Kelmarin, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) memutuskan semua sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi ketika PKP diberi kebenaran beroperasi pada kapasiti penuh tanpa sekatan masa.

Menteri Kanan (Ekonomi), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, ber-

kata keputusan itu dibuat memberi anjakan kepada pemulihan sistem rantaian bekalan barangan dan perkhidmatan untuk memenuhi permintaan domestik dan luar negara.

Bagaimanapun, kebenaran itu tertakluk kepada kewajipan mematuhi syarat prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi sektor masing-masing.

Dr Noor Hisham berkata, sektor ekonomi diberi keutamaan berikutan kedudukan Malaysia dalam menangani wabak COVID-19 ketika ini berada pada fasa pemulihan, selain berjaya meratakan lengkungan penularannya.

Sementara itu, ditanya sama ada Kementerian Kesihatan akan mempertimbang memberi kelonggaran kepada aktiviti bersukan seperti 'joging' secara sendiri di tempat awam dalam tempoh PKP, Dr Noor Hisham menjelaskan, ia

juga sebahagian SOP yang akan dilihat pihaknya.

"Kita akan mempertimbangkannya, contohnya dari segi tiada kontak rapat ketika bersenam, penjarakan sosial dan tiada penghimpunan. Ini antara langkah yang akan kita lihat secara terperinci dan akan diumumkan kemudian," katanya.

Pakar ekonomi sebelum ini meramalkan lebih sejuta pekerja akan hilang pekerjaan jika PKP diteruskan beberapa bulan lagi tanpa membenarkan pembukaan sektor ekonomi.

Bank Negara Malaysia (BNM) mengunjurkan ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar antara -2.0 peratus hingga 0.5 peratus pada tahun ini susulan kesan negatif penularan COVID-19.

BNM juga menjangka kadar pengangguran Malaysia akan mencecah empat peratus tahun ini disebabkan pandemik COVID-19, berbanding 3.3 peratus pada tahun lalu.



Biar kita benarkan sektor ekonomi bermula dan memantau situasi selama dua atau empat minggu sebelum kita cadangkan sektor sosial dan pendidikan untuk dibuka semula.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



Mutasi komposisi virus punca jangkitan lebih agresif

Putrajaya: Kajian Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) terhadap virus yang menjangkiti kes COVID-19 ke-26 di negara ini, mendapati ada mutasi pada komposisinya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya mengesyaki mutasi berkenaan menyebabkan virus COVID-19 pada kes-26 menjadi lebih ganas dan menjangkiti

sehingga 120 individu ketika peringkat awal gelombang kedua jangkitan wabak berkenaan di negara ini.

"Mungkin itu punca kes ke-26 menjangkiti (individu lain). Mutasi baharu lebih dahsyat dari segi jangkitan dan penularan dalam kalangan individu yang terabit," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham mengulas ka-

jian dan penemuan sebuah institut kajian di India yang menemui 10 mutasi virus COVID-19 termasuk satu daripadanya, A2a, yang dikatakan amat pantas menembusi sel paru-paru manusia dalam jumlah yang besar.


Beliau berkata, hanya India yang melaporkan 10 mutasi tetapi pihaknya dimaklumkan setakat ini sudah ada 30 mutasi virus COVID-19.

Justeru, katanya, IMR kini memberi tumpuan terhadap pengasingan dan kajian virus COVID-19 untuk melihat sama ada wujud 'strain' berbeza dalam kalangan pesakit di negara ini.

"Ketika kita melihat gelombang pertama dan pada peringkat awal gelombang kedua, kita dapati strain jangkitan di Malaysia adalah B, bersamaan jangkitan di Wuhan, China.

"Kita perlu buat kajian gelombang kedua terhadap pesakit yang sudah disahkan dan pulang dari negara tertentu. Kita sedang buat pengasingan dan kajian virus," katanya.

Sementara itu, kit ujian pengesanan antigen pantas yang ditempah dari Korea Selatan, dijangka tiba esok, dengan keutamaan diberi kepada hospital dan klinik di Sabah serta Sarawak.



Grafik 11

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

72 kes positif import penyumbang terbesar

Penularan babit warganegara, pelajar Malaysia pulang dari Indonesia

Putrajaya: Sebanyak 72 kes import yang dikesan di Negeri Sembilan menjadi penyumbang terbesar terhadap 94 kes positif COVID-19 baharu dicatatkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 72 kes itu membabitkan warganegara dan pelajar Malaysia yang pulang dari Indonesia, manakala 22 kes lagi penularan tempatan.

Katanya, tiada kematian dilaporkan semalam dengan angkanya kekal 100 kes atau 1.68 peratus daripada keseluruhan kes.

Bagaimanapun, beliau berkata jumlah kes baharu lebih tinggi berbanding kes pulih dan dibenarkan pulang iaitu 55 kes.

"Jumlah 72 kes import itu menjadikan jumlah kumulatif kes di Negeri Sembilan kepada 508 kes.

"Kes penularan tempatan membabitkan satu kes di Selangor; lima kes di Pahang, dua kes di Sabah, enam kes di Sarawak dan lapan kes di Kuala Lumpur.



Anggota Majlis Bandaraya Seremban melakukan kerja sanitasi di dalam Pasar Besar Seremban, semalam. (Foto BERNAMA)

"Peningkatan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 sebanyak 5,945 manakala kes sembuh keseluruhan ialah 4,087," katanya pada sidang media harian COVID-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 1,758 kes masih aktif dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan lanjut yang mana 40 individu kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 18 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Dalam perkembangan ber-

kaitan, beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) akan melihat kepada prosedur operasi standard (SOP) dan jaminan ia dipatuhi sebelum mempertimbangkan untuk menamatkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di zon hijau COVID-19.

Tegasnya, KKM perlu memastikan enam kriteria yang digariskan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi menamatkan PKP dipatuhi, terutama dari segi pemerikasaan komuniti supaya kawasan dan penduduk setempat dilindungi

daripada jangkitan.

"Kita perlu memastikan SOP siap dan boleh dipatuhi. Setakat ini, ia belum siap dan mungkin mengambil masa seminggu untuk melihat SOP itu.

"Jika sudah sedia dan KKM berpuas hati, mungkin kita dapat laksanakan (menamatkan PKP) tapi setakat ini belum ada keputusan," katanya.

Beliau ditanya sama ada KKM akan mencadangkan kerajaan menamatkan PKP di Perlis yang sudah merekodkan 14 hari tanpa kes baharu COVID-19.

Kes positif COVID-19 bagi pesakit SARI menurun

Putrajaya: Berlaku penurunan kes positif COVID-19 ketara dalam kalangan pesakit kes Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia dapat dilihat antara minggu epidemiologi ke-17, iaitu 25 April lalu apabila hanya tiga daripada 2,168 sampel yang diambil disahkan positif wabak berkenaan berbanding 28 Mac lalu sebanyak 33 sampel disahkan positif.

Katanya, pihaknya melaksanakan aktiviti surveilan di sektor awam dan swasta sejak awal bagi mengenal pasti aktiviti penularan COVID-19.

"Sehingga kini, 34,113 sampel sudah diambil daripada pesakit SARI dan Influenza (ILI). Daripada jumlah itu, lapan kes positif

dalam kalangan ILI dan 63 kes lagi menerusi SARI.

"Persampelan ILI dijalankan di lapan Klinik Kesihatan di bawah Kementerian di seluruh negara yang dikenali sebagai lokasi sentinel.

"Persampelan ini meliputi semua pesakit yang datang dengan gejala demam iaitu suhu melebihi 38 darjah Celsius serta batuk dan sakit tekak, namun tanpa sebarang risiko terdedah kepada COVID-19 yang diketahui.

"Lima sampel akan diambil dari setiap lokasi sentinel berkenaan sebelum dihantar ke makmal untuk ujian pengesanan COVID-19 bagi analisa surveilan ini," katanya pada sidang media harian COVID-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, persampelan SARI membabitkan uji-

an pengesanan COVID-19 untuk semua pesakit dengan jangkitan paru-paru (pneumonia) dari semua hospital Kementerian di Malaysia.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus memantau ujian COVID-19, termasuk di sektor swasta yang mana ujian akan dihantar ke hospital swasta.

"Ada 84 kes positif dikesan daripada 22,081 ujian yang dijalankan di makmal swasta, iaitu 0.38 peratus.

"Aktiviti surveilan bertindak sebagai sistem pengesanan awal dan sistem amaran awal bagi penularan COVID-19 di Malaysia.

"KKM akan terus menjalankan aktiviti surveilan COVID-19 walaupun selepas PKP ditamatkan," katanya.



Petugas kesihatan melakukan pemeriksaan saringan COVID-19 terhadap orang awam yang berkunjung ke Pasar Jalan Othman pada 4 April hingga 18 April lalu di Klinik Kesihatan Taman Medan, Petaling Jaya, semalam.

(Foto AIZUDDIN SAAD/BH)

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL



AMIL zakat, Mohammad Khairuddin Manan (kanan) menyembur pembersih tangan kepada pembayar zakat fitrah, Md Yusof Mohd di Masjid Jumhuriyah Taman Datuk Harun, Petaling Jaya, Selangor.

85 daerah hijau



Kelantan negeri terbaharu diisytihar tiada kes aktif

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kelantan negeri terbaharu diisytihar zon hijau Covid-19 apabila tiada kes aktif dikesan di negeri itu setakat 12 tengah hari kelmarin.

Sebelum ini, Perlis muncul sebagai negeri pertama zon hijau kerana merekodkan kes jangkitan sifar bagi tempoh melebihi dua minggu.

Bagaimanapun, kedua-dua negeri itu masih belum boleh diisytihar bebas Covid-19.

Menerusi infografik Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), zon hijau terus bertambah 85 daerah setakat kelmarin berbanding 77 daerah hari sebelumnya.

Perak, Pulau Pinang dan Kedah antara tiga negeri mencatatkan kes aktif dengan satu digit iaitu masing-masing dua, lima dan empat kes.

Sementara itu, jumlah zon merah kekal 12 kawasan walaupun

terdapat pertambahan 31 kes baharu Covid-19 di negara ini setakat jam 12 tengah hari, semalam.

CPRC melaporkan, Kuala Lumpur masih kekal menjadi negeri tertinggi mempunyai jumlah kes positif Covid-19 yang aktif iaitu 484 kes dan kawasan Lembah Pantai mendominasi jumlah kes iaitu sebanyak 298 kes aktif.

Semua daerah di Kuala Lumpur masih dikategorikan sebagai zon merah kecuali

Cheras yang kini diletakkan sebagai zon kuning kerana terdapat penurunan kes aktif iaitu kini hanya 33 kes.

Selain itu, Sarawak turut mencatatkan kedua tertinggi kes positif Covid-19 yang masih aktif di zon merah iaitu 233 kes, diikuti Johor sebanyak 132 kes, Selangor pula 118 kes, Negeri Sembilan (74), Pahang (42) dan Melaka (48).

Selain itu, di beberapa negeri lain turut mempunyai kes aktif antaranya Terengganu 39 kes dan Pahang 60 kes.

Sehingga kini, Malaysia mencatatkan 5,851 kes dan daripada jumlah berkenaan 1,719 kes masih aktif.

Zon hijau terus bertambah kepada 85 daerah setakat kelmarin

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : LOKAL

Sabah, Sarawak terima 50,000 kit

Kuala Lumpur: Kit ujian pengesanan antigen dari Korea Selatan bagi mengesahkan jangkitan Covid-19 yang akan diterima esok diberi keutamaan kepada Sabah dan Sarawak.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dua negeri itu akan menerima kit berjumlah 50,000 berikutan mempunyai masalah logistik di sesetengah kawasan.

"Dengan menggunakan kit antigen ini keputusannya cepat untuk diperoleh

berbanding ketika ini kita perlu menghantarnya ke makmal.

"Selain itu, kita akan menerima 100,000 kit lagi Sabtu ini dan akan mula melatih kakitangan KKM menggunakan kit pengesanan antigen dari Korea," katanya.

Menurutnya, jika di dua negeri berkenaan dapat menggunakan kit pengesanan antigen itu tidak perlu lagi KKM menghantar sampel ke hospital dan makmal.

Virus Covid-19 bermutasi lebih ganas

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan virus Covid-19 yang bermutasi akan menjadi lebih ganas menjangkiti ramai individu.

Kajian Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) terhadap virus yang menjangkiti kes ke-26 di negara ini mendapati ada satu mutasi pada komposisinya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata penemuan itu menyebabkan pihaknya mengesyaki mutasi berkenaan yang menyebabkan virus Covid-19 un-

tuk kes-26 itu menjadi lebih ganas dan menjangkiti hingga 120 individu.

"Kes-26 itu berlaku dalam peringkat awal gelombang kedua jangkitan wabak Covid-19 di negara ini.

"Mungkin mutasi punca kes itu menjangkiti ramai individu lain. Mutasi baharu lebih ganas dan dahsyat dari segi jangkitan dan penularan dalam kalangan individu yang terbahit," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media harian Covid-19 di Putrajaya semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

Operasi Pangea: 37 geng tumpas

Kuala Lumpur: Kerajaan pihak berkuasa mem-babitkan 90 negara termasuk Malaysia berjaya menumpaskan 37 kumpulan jenayah terancang melalui Operasi Pangea XIII yang menjual ubat-ubatan dan produk perubatan dalam talian secara haram.

Operasi Pangea XIII ini diselenggarakan International Criminal Police Organization (Interpol) dengan pembabitkan polis, kastam dan pihak berkuasa kesihatan dari 90 negara.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dalam operasi antarabangsa itu, penutup mulut dan hidung, cecair pembasmi kuman tidak menepati piawai, ubat antivirus tidak sah dan ubat-ubatan berbahaya bernilai lebih AS\$14 juta disita dan dirampas.

"Malaysia terbabit dalam operasi bermula 3 Mac hingga 10 Mac lalu dan pembabitkan kali kelapan yang memberi tumpuan kepada laman sesawang dan media sosial yang menawarkan ubat-ubatan berbahaya termasuk peranti perubatan dan tindakan penguatkuasaan berasaskan Internet yang terbesar seumpamanya diadakan di seluruh dunia.

"Hasilnya 2,000 pautan dalam talian yang mengiklankan barangan yang berkaitan dengan Covid-19 di-



Pada tahun ini, tumpuan diberikan terhadap penjualan ubat-ubatan dan peranti perubatan yang disalahgunakan bagi tujuan rawatan Covid-19"

Dr Noor Hisham Abdullah

temui.

"Pada tahun ini, tumpuan diberikan terhadap penjualan ubat-ubatan dan peranti perubatan yang disalahgunakan bagi tujuan rawatan Covid-19," katanya.

Menurutnya, berbanding dengan Operasi Pangea pada tahun sebelumnya, operasi pada tahun ini menunjukkan peningkatan sekitar 18 peratus dalam rampasan ubat antivirus yang tidak sah dan peningkatan lebih daripada 100 peratus dalam rampasan hydroxychloroquine dan chloroquine yang tidak dibenarkan, yang juga dikaitkan dengan wabak Covid-19.

"Operasi ini berjaya menutup lebih daripada 2,500 pautan web, termasuk laman web, laman media sosial, tapak pasar dalam talian dan iklan dalam talian (*e-marketplace*) yang menjual ubat-ubatan terlarang," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Ambil kira enam kriteria WHO

KKM masih meneliti SOP sebelum tamatkan PKP di zon hijau

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu memastikan enam kriteria yang digariskan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dipenuhi sebelum mengambil keputusan untuk menamatkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di zon hijau.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, buat masa ini pihaknya masih meneliti prosedur operasi standard (SOP) sebelum mengambil sebarang tindakan.

"Kita perlu memastikan SOP siap dan boleh dipatuhi.

Setakat ini, ia masih belum siap dan mungkin mengambil masa seminggu untuk melihat SOP itu.

"Jika sudah sedia dan KKM berpuas hati, mungkin kita dapat laksanakan (menamatkan PKP). Namun setakat ini, belum ada keputusan lagi," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, antara enam kriteria itu ialah kawalan keselamatan, kawalan pergerakan, kemampuan sistem kesihatan, kemampuan melindungi golongan berisiko tinggi, mengamalkan norma baharu dan kemampuan melaksanakan langkah pencegahan dalam komuniti.

Setakat ini, dua daerah di Semenanjung iaitu Hulu Terengganu, Terengganu dan Machang, Kelantan mencatatkan sifar kes wabak koronavirus (Covid-19).



DR NOOR HISHAM

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM mempertimbangkan usul pembukaan semula taska dan pusat jagaan kanak-kanak berikutan sektor ekonomi telah mula beroperasi.

Menurutnya, usul tersebut akan dibincangkan dalam mesyuarat bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) hari ini.

"Ada keperluan untuk mem-

buka semula taska dan perkara ini akan dibincangkan dalam mesyuarat esok (hari ini)," katanya.

Beliau berkata, garis panduan telah disediakan oleh KKM dan perlu dipatuhi oleh semua pihak.

Sebelum ini, taska adalah antara yang diarahkan tutup berikutan pelaksanaan PKP di seluruh negara sejak 18 Mac lalu.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan KKM akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk membuka semula sektor sosial termasuk sekolah selepas menilai situasi semasa dalam tempoh dua hingga empat minggu ini.

Katanya, kementerianya perlu melihat kepada situasi semasa apabila sektor ekonomi telah dibuka sepenuhnya bermula semalam.

"Kita buka dahulu sektor ekonomi dan dalam masa yang sama kita harap dapat pantau

situasi semasa.

"Dalam tempoh dua minggu atau empat minggu (sebelum tentukan sekolah dibuka) kita akan kemukakan cadangan kepada kerajaan untuk buka sektor sosial dan ekonomi," katanya.

Dalam perkembangan sama, Dr Noor Hisham turut memaklumkan KKM sedang meneliti SOP untuk memberi kelonggaran kepada aktiviti sukan.

Katanya, kelonggaran itu hanya tertumpu kepada aktiviti sukan yang tidak dilakukan secara berkumpulan seperti berjoging.

"SOP itu akan dibuat mengikut garis panduan KKM seperti perlu ada penjarakkan sosial, tiada perhimpunan ramai dan sebagainya.

"Jadi inilah sebahagian daripada tahap secara berperingkat yang sedang kita lihat dengan lebih teliti dan akan diumumkan nanti," katanya.

Kelantan negeri kedua bebas Covid-19

PUTRAJAYA - Selepas Perlis, Kelantan menjadi negeri kedua diisytiharkan sebagai zon hijau apabila kesemua 10 daerahnya merekodkan sifar kes koronavirus (Covid-19) sejak dua minggu lalu.

Menurut data dikeluarkan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan, satu kes positif di Tanah Merah sebelum ini telah pun pulih sepenuhnya.

Sejak gelombang kedua pandemik itu, Kelantan mencatatkan 155 kes positif Covid-19 dengan hanya Machang mengekalkan sifar jangkitan sehingga kini berbanding daerah lain.

Selain itu, data tersebut menunjuk-

kan Perak turut menghampiri zon hijau apabila hanya dua daripada 11 daerah negeri itu masing-masing masih mempunyai satu kes.

Kedah masih ada empat kes di tiga daerahnya iaitu Kota Setar (dua), Kuala Muda (satu) dan Kubang Pasu (satu).

Berdasarkan data itu, 12 daerah masih diisytihar sebagai zon merah antaranya Kluang (84 kes), Seremban (74), Hulu Langat (72), Johor Bahru dan Melaka Tengah (48), Petaling (46) dan Kuantan (42).

Zon hijau di seluruh negara mencatatkan peningkatan kepada 85 daerah manakala zon kuning 61 daerah.

Penularan terhadap pesakit SARI menurun

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati penularan koronavirus (Covid-19) terhadap pesakit Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) menurun dengan ketara pada minggu epidemiologi ke-17 iaitu 25 April.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat hanya tiga daripada 2,168 sampel kes SARI disahkan positif Covid-19 dalam tempoh itu.

"Berbanding minggu epidemiologi ke-12 iaitu 28 Mac, terdapat 33 kes SARI disahkan positif daripada 263 sampel," katanya di sini semalam.

Menurutnya, persampelan SARI

melibatkan ujian pengesanan Covid-19 untuk semua pesakit dengan jangkitan paru-paru (pneumonia) di semua hospital KKM seluruh negara.

Beliau berkata, persampelan ILI dijalankan di lapan lokasi sentinel seluruh negara.

"KKM juga melaksanakan aktiviti surveilans klinikal terhadap influenza-like illnesses (ILI) bagi mengesan Covid-19," katanya.

"Ia meliputi semua pesakit yang datang ke klinik kesihatan dengan gejala demam melebihi suhu 38 darjah Celsius, batuk dan sakit tekak tanpa sebarang pendedahan risiko," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Pesakit di HKL dipindah ke MAEPS, Hospital Sungai Buloh

PUTRAJAYA - Pesakit koronavirus (Covid-19) yang bergejala ringan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) akan dipindahkan ke hospital sementara di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang bagi membolehkan hospital itu meneruskan semua perkhidmatannya seperti sebelum ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pesakit Covid-19 tahap empat dan lima yang dirawat di HKL turut akan dipindahkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Kita bebaskan sementara HKL dan mereka boleh fokus kepada aktiviti dan perkhidmatan lain," katanya di sini semalam.

Menurutnya, walaupun terdapat tujuh hospital Covid-19 dan 33 hospital hibrid, perkhidmatan Kementerian Kesihatan (KKM) masih diteruskan.

"Pembedahan elektif kita tangguhkan dahulu tetapi pembedahan kecemasan, rawatan kepada pesakit kanser dan sebagainya diteruskan seperti biasa," katanya.

Beliau berkata, KKM akan menilai semula jadual petugas kesihatan yang terlibat perkhidmatan rawatan Covid-19 bagi membolehkan mereka berehat.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya akan menyiasat dakwaan berhubung individu yang dikuarantin bersama pesakit Covid-19 di sebuah pusat kuarantin di Johor Bahru.

72 kes import dari Indonesia

Kes baharu dicatat daripada warganegara dan pelajar yang pulang dari negara jiran

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 94 kes positif baharu jangkitan Covid-19 di seluruh negara semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu sebanyak 72 kes import (kluster Pesantren) dikesan daripada warganegara dan pelajar yang pulang dari Indonesia.

"Ini bermakna, kes penularan tempatan adalah 22 kes sahaja.

"Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh KKM, 72 kes import itu direkodkan di Negeri Sembilan," katanya pada sidang media di sini semalam.

Menurutnya, dengan pertambahan 94 kes baharu itu menjadikan keseluruhan kes positif Covid-19 berjumlah 5,945 kes.

"Selain Negeri Sembilan, turut merekodkan kes positif baharu adalah



Muat turun aplikasi MySejahtera untuk mendapatkan senarai fasiliti saringan Covid-19.

Kuala Lumpur (8 kes), Sarawak (6 kes), Pahang (5 kes), Sabah (2 kes) dan Selangor (1 kes).

"Hanya 1,758 pesakit yang masih dirawat di hospital dan 40 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU)," katanya.

Beliau berkata, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan tidak menerima sebarang laporan kematian berhubung Covid-19.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kematian kekal 100 kes," katanya.

Menyentuh mengenai kluster, Dr Noor Hisham berkata, terdapat enam yang masih aktif termasuk kluster Pesantren.

"Kluster Madrasah Sungai Salan merekodkan empat kes baharu, kluster petugas kesihatan Sabah dua kes dan kluster kejuruteraan di Pahang, kluster petugas kesihatan di Kuching, Sarawak serta kluster Flat Kampung Baru masing-masing mencatatkan satu kes baharu," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, bagi kluster Sri Petaling, KKM telah membuat saringan terhadap 33,557 individu dan 2,167 kes positif.

Pada perkembangan sama, Dr Noor Hisham berkata, KKM mengesan satu kes positif baharu dikesan di Menara Plaza City One menjadikan jumlah keseluruhan kes di kawasan tersebut sebanyak 55 kes.

"Pusat Bandar Utara Kuala Lumpur dan sekitar Pasar Borong Selayang yang kini diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) merekodkan lima kes positif baharu.


"Ia sekali gus menjadikan jumlah kes kawasan tersebut 79 kes," kata beliau.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM


JUMLAH KESELURUHAN: 5,945 | PULIH: 4,087 | ICU: 40 | KEMATIAN: 100 | KES BAHARU: +94



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 5,851 kes kepada 5,945 kes

INFOGRAFIK SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS

GREEN ZONES

'MINISTRY MAY LIFT MCO IF SOP FOLLOWED'

6 criteria outlined by WHO must be met, says Health D-G

PUTRAJAYA

THE Health Ministry will look at the standard operating procedures (SOP), as well as assurances that it will be adhered to before it considers agreeing to remove the Movement Control Order (MCO) in green zones.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the ministry needed to ensure that the six criteria outlined by the World Health Organisation required for lifting the MCO were met, especially with regard to community protection against further infection.

"Our facility capabilities are in line with WHO's guidelines if we were to exit the restriction order.

We have the capabilities in terms of hospital facilities, tests, as well as healthcare staff.

"But we need to ensure that the SOP is ready and complied with. It's not ready yet and may take a week to be completed.

"Once ready and the Health Ministry is satisfied with it, we could make that decision (to end the MCO) but so far, nothing has been decided," he said at the daily press conference on the Covid-19 here yesterday.

He was responding to a question on whether the ministry was ready to propose that the government end the MCO in green zones such as Perlis, which recorded no new Covid-19 case for 14 consecutive days.

He said all economic sectors allowed to operate at full capacity

(during Phase 4 of the MCO) were subject to the guidelines issued by the ministry.

"Our guidelines are clear to ensure that the factories adhere to them, for example, the requirement to conduct thermal screening and social distancing.



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah

"They have to refer to the guidelines and meet all requirements in order to get our approval," he said, adding that the ministry was reviewing the SOP for all sectors in the event that the MCO ends.

He said it would be at least two to four weeks before the ministry even considers proposing that the education and social sectors be allowed to resume, adding that exercising or sporting activities were included in the SOP that the ministry was working on.

He said the ministry was working on steps to ease the MCO.

"We have to make sure no close contact exercises and sports are allowed. All exercises and sporting activities must follow our guiding principles, where there is social distancing, no public gathering, and so on.

"These are some of the steps

that we are looking into and the details will be announced soon."

A total of 94 new Covid-19 infections were recorded yesterday, mainly involving returning students from Indonesia with 72 cases. The rest are local transmissions.

The latest figure brings the tally of total cases to 5,945.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS

HIGHER RECOVERY RATE

Use traditional Chinese medicine to treat Covid-19, urge experts

KOTA KINABALU: Covid-19 medical experts from China have suggested the use of traditional Chinese medicine (TCM) to treat the virus' infection, state Deputy Health Minister Datuk Aaron Ago Dagang said.

Speaking after a meeting with the experts, Aaron said China had combined TCM and Western medicine for patients and the outcome had revealed a higher recovery rate.

"However, for now, the Health Ministry is hopeful for the discovery of a vaccine against Covid-19.

"China has informed us that it has been carrying out vaccine testing on humans instead of animals," he said at the Sabah Administrative Centre here.

The delegates, together with Kota Kinabalu general consul of China Liang Caide, had paid a courtesy call on Chief Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

The parties discussed the situation in Wuhan during the lockdown and after the restrictions were lifted.

Shafie said: "They say Malaysia is on the right track and the approach is similar to China's."

"The team (Chinese medical experts) will wrap up its visit and provide suggestions before returning home."

He said Sabah no longer had red zones but would maintain preventive measures and boost efforts to stimulate the economy.

"The Sipitang Ammonia Urea factory and Sabah Oil and Gas Industrial Terminal will be allowed to resume operations tomorrow (today) provided their workers are screened before they are allowed to work."

"The Sabah government will work more closely with the private sector to revive the economy, but this will be announced later."

Shafie said students returning to Sabah would have to undergo home quarantine if they tested negative for Covid-19.

He said the state government would bear the travel expenses of students returning from Sarawak.



Datuk Aaron Ago Dagang



Chief Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (right) receiving Covid-19 aid from Kota Kinabalu general consul of China Liang Caide in Kota Kinabalu yesterday. BERNAMA PIC

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NATION

Health DG: Bulk of new cases are imported ones

By JOSEPH KAOS Jr
 and CLARISSA CHUNG
 newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia recorded a slight jump in new Covid-19 cases, with the bulk of the 94 new cases contributed from imported cases after 72 new infections were found from students returning from Indonesia.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah says this means 226 Malaysians who returned from abroad since April 3 have been infected with Covid-19.

"This means, only 22 of today's cases are local transmissions," he said at the ministry's daily Covid-19 press conference here yesterday.

The 72 are related to the "pesant-

ren cluster" detected from Malaysian students who had returned from Indonesia's Magentan region.


There are now 164 confirmed cases related to this cluster, with only one recovery so far.

The returnees are among some 24,000 Malaysians who have been brought home since April 3.

The government had ordered all returnees to be placed at quarantine centres for 14 days upon their arrival.

Dr Noor Hisham also said that 55 more patients have been discharged, meaning 4,087 patients have recovered since the outbreak in Malaysia.

No deaths were reported yesterday, which means the death toll



Battling Covid-19

remains at 100.

Malaysia is currently in the fourth phase of the movement control order (MCO), which is set to end on May 12.

On the relaxation of restrictions, Dr Noor Hisham said the ministry was drawing up guidelines for childcare centres, solo exercise, and schools, before they could consider allowing such activities to resume.

Schools remain closed for the

time being as the government prioritises the economic sectors.

"Let the economic sectors start and we monitor the situation for two or even four weeks, before we can decide to let the social and education sectors reopen," he said.

To a question on whether jogging would be allowed, Dr Noor Hisham said physical exercise was among the matters being discussed.

"There will be no close contact sports. Exercise will be considered provided they follow our guiding principles, which are social distancing and no public gatherings," he said.

On childcare centres, Dr Noor Hisham said the matter would be discussed with the National Security Council.

"We are looking into easing the MCO, but (companies) have to follow the guiding principles of the Health Ministry.

"We have provided the guiding principles, and now we are in the process of looking into the SOP of all sectors. The announcement will be made soon," he said.

On whether restrictions would be lifted at green zones or localities free of Covid-19, Dr Noor Hisham said the ministry was also drawing up the SOP on this, but no decision had been made.

Watch the video
[thestartv.com](https://www.thestartv.com)



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NATION

Dengue cases down slightly until April 25

KUALA LUMPUR: A total of 39,002 dengue cases were reported from Dec 29 last year to April 25 this year, according to the Current Situation of Dengue, Chikungunya and Zika in Malaysia Year 2019 and 2020 Report.

The numbers released by the Health Ministry's National Crisis Preparedness and Response Centre indicated a decrease of 4,063 cases (9.4%) compared to 43,065 cases during the same period last year.

The report also stated that only one death due to dengue was reported in the 17th week (April 19-25) of 2020.

"During the 17th week this year, 1,301 dengue cases have been reported, which is an increase of 11% compared to the previous week," said the report shared on Facebook by Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

— Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

No fatality, but new cases spike

PETALING JAYA: While another day has passed without a fatality, the number of new Covid-19 cases yesterday was triple that of the day before.

As of noon, there were 94 new cases, compared with 31 over the same period on Tuesday.

On the bright side, most of the new cases are imported - this time 72 of them are students who had just returned from Indonesia, the second hardest hit country in Southeast Asia after Singapore. The number of new cases in Malaysia is only 22, a drop from the day before.

Health Ministry director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said 55 patients were discharged yesterday, bringing the total number of those who have recovered to 4,087.

"This leaves a total of 1,758 active Covid-19 cases in Malaysia, with 40 positive cases remaining in the intensive care unit. Out of this number, 18 cases need ventilator support."

The total number of deaths remains at 100, which is 1.68% of the total number of cases.

Meanwhile, Noor Hisham said the ministry is considering allowing exercise and sports that don't require close contact during the current phase of the movement control order.

"Our standard operating procedure and guidelines such as social distancing will still need to be observed."

39,000 dengue cases reported

KUALA LUMPUR: There were 39,002 dengue cases reported from Dec 29 last year to April 25 this year, according to the Current Situation of Dengue, Chikungunya and Zika in Malaysia Year 2019 and 2020 Report.

The numbers released by the Ministry of Health's National Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) indicated a decrease by 4,063 cases (9.4%) compared with 43,065 cases during the same period last year.

It also revealed a cumulative figure of 64 deaths, compared with 67 deaths during the corresponding period last year.

"During the 17th week of this year, a total of 1,301 dengue cases have been reported, which is an increase of 11% compared with the previous week," said the report shared by Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah on his Facebook yesterday.

Until the 17th week this year, Selangor had the highest number of dengue cases with 23,402 cases, followed by Kuala Lumpur (3,243) and Johor (3,242).

The CPRC also stated that 13 Chikungunya cases were recorded while there was no positive Zika case reported from Dec 29, 2019 until April 25 this year. - Bernama